



Garis Panduan Pendalilan Berasaskan Ayat al-Ahkam dalam Penghujahan Hukum Islam Semasa di Malaysia

Mahyudin bin Daud¹
Ahmad Najib bin Abdullah²

ABSTRAK

Pendalilan berasaskan Āyāt al-Aḥkām dalam penghujahan hukum Islam semasa perlu digarispendukan supaya berlaku menurut kaifiat yang ditetapkan oleh para ulama. Garis panduan tersebut bukanlah penditilan terhadap elemen-elemen yang disebutkan dalam karya-karya Uʿūl al-Fiqh tetapi merupakan langkah-langkah secara kasar yang perlu diraikan oleh seorang mufti atau penyelidik ketika menjadikan nas tersebut sebagai hujah dalam menetapkan hukum bagi masalah Islam semasa. Ketiadaan garis panduan tersebut boleh membawa impak yang besar kepada hukum yang dikeluarkan. Pembinaan garis panduan tersebut adalah berasaskan dua elemen yang penting iaitu adawāt fahm al-naṣ dan dilālāh al-alfāz di samping beberapa perkara teknikal yang lain dalam pendalilan. Artikel ini mengemukakan satu garis panduan secara kasar beserta contoh mudah dalam menjadikan sesuatu nas ayat al-ahkam sebagai hujah kepada masalah Islam semasa. Garis panduan tersebut boleh dimanfaatkan oleh para mufti, panel kajian syariah, penyelidik dan mereka yang terlibat secara langsung dalam pembinaan fatwa dan pembentukan sighthnya dalam menetapkan hukum bagi masalah Islam semasa di negara ini.

Kata kunci: garis panduan pendalilan, Āyāt al-Aḥ kām, penghujahan hukum, masalah Islam semasa

PENGENALAN

Āyāt al-Aḥ kām adalah dua patah perkataan tersusun dalam bentuk sandaran (التركيب الإضافي). Al-Āyah dari sudut istilah ialah sekelompok ayat yang mempunyai permulaan dan pengakhiran dalam al-Quran. Imām al-Jurjānī mentakrifkan al-Āyah sebagai sekelompok ayat al-Quran yang berhubungan antara satu sama lain sehingga akhir sama ada panjang atau pendek. Al-Ḥukm dari sudut syarak menurut ulama Uʿūl al-Fiqh bermakna Khitāb Allah SWT yang

¹ Mahyudin bin Daud, adalah Fellow Slab di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri dan Calon Ijazah Tinggi di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

² Ahmad Najib bin Abdullah, PhD, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

berkaitan dengan perlakuan mukalaf sama ada dalam bentuk tuntutan (الإقتضاء) atau pilihan (التخيير).

Lain pula maksud al-Ḥukm di sisi Fuqaha di mana ia bermakna kesan Khitāb Allah SWT yang berkaitan dengan perlakuan mukalaf sama ada berbentuk tuntutan atau berbentuk pilihan seperti kewajiban mendirikan solat adalah kesan daripada Khitāb Allah SWT yang berbunyi *وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ*. Sebagai contoh firman Allah SWT dalam surah al-Isrā' ayat 32 *وَلْتَقَرَّبُوا إِلَيْنَا*, Khitāb Allah SWT dalam ayat ini adalah al-Ḥukm bagi ulama Uṣūl al-Fiqh manakala hukumnya pula adalah kesan daripada Khitāb tersebut, iaitu pengharaman zina.

Berdasarkan takrif al-Āyah dan al-Ḥukm di atas, Āyāt al-Aḥkām boleh didefinisikan sebagai sekelompok ayat al-Quran yang menitikberatkan penjelasan mengenai hukum yang dinisbahkan kepada syarak dan menunjukkan kepadanya secara terus sama ada berkaitan dengan akidah, amalan furuk, akhlak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ulama mengkhususkan maksud Āyāt al-Aḥkām kepada hukum al-Quran yang dikaitkan kepada al-Aḥkām al-‘Amaliyyah iaitu perbuatan mukalaf. Dengan pengkhususan tersebut bermakna penggunaan perkataan Āyāt al-Aḥkām membawa maksud ayat-ayat yang menjelaskan hukum fiqh sama ada secara zahir nas atau secara istinbat.

Ulama Uṣūl al-Fiqh telah menggariskan kaifiat yang khusus dalam menjadikan sesuatu dalil Āyāt al-Aḥkām³ sebagai hujah kepada sesuatu masalah. Nas tersebut kemudiannya perlu melalui tiga peringkat iaitu peringkat berkaitan dengan kaifiat pendalilan dan istinbat, peringkat *taṣḥīḥ* natijah pendalilan dan peringkat mengeluarkan fatwa yang setiap satunya mempunyai *ḍawābiṭ* tersendiri yang perlu diraikan oleh seorang mufti atau penyelidik.

Artikel ini mengemukakan satu garis panduan dalam menjadikan sesuatu nas Āyāt al-Aḥkām sebagai hujah kepada masalah semasa yang boleh dimanfaatkan oleh para mufti, panel kajian syariah, penyelidik dan mereka yang terlibat secara langsung dalam pembinaan fatwa dan pembentukan *ṣīghah*nya dalam menetapkan hukum bagi masalah semasa di negara ini.

KAIFIAT PENDALILAN BERASASKAN ĀYĀT AL-AḤKĀM DALAM PENGHUJAHAN HUKUM SYARAK

Definisi Pendalilan

Pendalilan dalam bahasa Arab disebut sebagai al-Istidlāl. Dari sudut bahasa, al-Istidlāl bermakna menuntut petunjuk dalil (طلب دلالة الدليل). Huruf Alif, Sin dan Ta' di pangkal

³ Āyāt al-Aḥkām adalah dua patah perkataan tersusun dalam bentuk sandaran (التركيب الإضافي). Al-Āyah dari sudut istilah ialah sekelompok ayat yang mempunyai permulaan dan pengakhiran dalam al-Quran. Imām al-Jurjānī mentakrifkan al-Āyah sebagai sekelompok ayat al-Quran yang berhubungan antara satu sama lain sehingga akhir sama ada panjang atau pendek. Al-Ḥukm dari sudut syarak menurut ulama Uṣūl al-Fiqh bermakna Khitāb Allah SWT yang berkaitan dengan perlakuan mukalaf sama ada dalam bentuk tuntutan (الإقتضاء) atau pilihan (التخيير). Lain pula maksud al-Ḥukm di sisi Fuqaha di mana ia bermakna kesan Khitāb Allah SWT yang berkaitan dengan perlakuan mukalaf sama ada berbentuk tuntutan atau berbentuk pilihan seperti kewajiban mendirikan solat adalah kesan daripada Khitāb Allah SWT yang berbunyi *وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ*. Sebagai contoh firman Allah SWT dalam surah al-Isrā' ayat 32 *وَلْتَقَرَّبُوا إِلَيْنَا*, Khitāb Allah SWT dalam ayat ini adalah al-Ḥukm bagi ulama Uṣūl al-Fiqh manakala hukumnya pula adalah kesan daripada Khitāb tersebut, iaitu pengharaman zina. Berdasarkan takrif al-Āyah dan al-Ḥukm di atas, Āyāt al-Aḥkām boleh didefinisikan sebagai sekelompok ayat al-Quran yang menitikberatkan penjelasan mengenai hukum yang dinisbahkan kepada syarak dan menunjukkan kepadanya secara terus sama ada berkaitan dengan akidah, amalan furuk, akhlak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ulama mengkhususkan maksud Āyāt al-Aḥkām kepada hukum al-Quran yang dikaitkan kepada al-Aḥkām al-‘Amaliyyah iaitu perbuatan mukalaf. Dengan pengkhususan tersebut bermakna penggunaan perkataan Āyāt al-Aḥkām membawa maksud ayat-ayat yang menjelaskan hukum fiqh sama ada secara zahir nas atau secara istinbat.

perkataan tersebut di atas *wazan* استفعال yang bermakna tuntutan. Perkataan *dilālāh* adalah kata terbitan daripada دَلَّ , يدلّ , دلالة dengan makna petunjuk (الإرشاد) manakala *dalīl* ialah petunjuk dan penyampai kepada sesuatu yang dituntut (المرشد والموصول إلى المطلوب). Ia juga ditakrifkan dengan memberitahu atau menyampaikan kepada hakikat sesuatu dan dengan berpindahnya pemikiran akal daripada suatu yang diketahui kepada suatu yang tidak diketahui.⁴ Perkataan ini juga membawa makna mengambil atau menjadikan sesuatu sebagai dalil (اتخذ دليلاً).

Dari sudut istilah ulama Uṣūl al-Fiqh, al-Istidlāl ditakrifkan dengan pelbagai takrifan.⁵ Penelitian terhadap sejumlah takrif tersebut mendapati wujud perbezaan yang dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

⁴ Jamā'ah min Kibār al-Lughawīyyīn al-'Arab, *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. (Tūnis: Muassasah Lārous al-'Ālamiyyah, 2003), 459.

⁵ Berikut sebahagian daripada takrif-takrif tersebut:

1. Takrif al-Jaṣṣāṣ : Al-Istidlāl ialah menuntut petunjuk dan pemerhatian kepada petunjuk untuk sampai kepada mengetahui perkara yang ditunjuk. Al-Jaṣṣāṣ , Aḥmad bin 'Alī Abū Bakr al-Rāzī, *Al-Fuṣūl fī al-Uṣūl Taḥqīq Ajil Jasim al-Nashamī*, (cet. ke-2, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shūn al-Islāmīyyah, 1994), 4:9-10.
2. Takrif Abū Bakr al-Bāqilānī: Al-Istidlāl kadang-kadang ialah penelitian kepada dalil dan pemerhatian yang dituntut mengetahui hakikat perkara yang diteliti. Kadang-kadang ialah meminta dalil dan menuntutnya. Al-Bāqilānī, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib, *al-Taqrīb wa al-Irshād (al-Ṣaghīr) Taḥqīq 'Abd al-Ḥamid bin 'Alī Abū Zanīdh*, (cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 1:208.
3. Takrif Ibn Ḥazm: Al-Istidlāl ialah menuntut dalil dari sudut pengetahuan akal dan keputusan-keputusannya atau dari pihak manusia yang mengetahui. Ibn Ḥazm, 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd bin Ḥazm, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām Taḥqīq Aḥmad Shākir*, (Kaherah: Maṭba'ah al-'Āṣimah, t.t.), 1:37.
4. Takrif al-Shīrāzī: Al-Istidlāl ialah menuntut dalil. Beliau menjelaskan maknanya dalam al-Luma' dengan katanya: Istidlāl ialah menuntut dalil dan ia berlaku di atas perbuatan penuntut iaitu menuntut perkara yang dituntut dengan menegakkan dalil. Al-Istidlāl juga berlaku kepada perkara yang dituntut kerana dia menuntut dalil daripada asalnya. Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Fayrūzabādī, *al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh*, (cet. ke-3, Kaherah: Mustafa al-Halabi, 1975), 3.
5. Takrif Imam al-Ḥaramayn: Al-Istidlāl ialah makna yang menggambarkan sesuatu hukum yang mana makna tersebut adalah munasabah dengan hukum itu mengikut apa yang diputuskan oleh pemikiran akal tanpa mendapati suatu asal yang telah diittifaqkan oleh ummah kerana wujudnya sebab. Imam al-Ḥaramayn, 'Abd al-Mālik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad al-Juwaynī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh Taḥqīq 'Abd al-'Azīm al-Dīb*, (cet. ke-2, Mesir: Dār al-Wafā' bi al-Manṣūrah, t.t.), 2:721.
6. Takrif al-Āmidī: Al-Istidlāl pada istilah *al-fuqahā'* kadang-kadang digunakan dengan makna menyebut dalil sama ada dalil itu adalah nas (quran dan hadis) atau ijmak atau kias atau lainnya. Kadang-kadang digunakan sebagai satu jenis yang tertentu daripada jenis-jenis dalil. Al-Āmidī, 'Alī bin Abī 'Alī bin Muḥammad Sayf al-Dīn, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, (Mesir: Muassasah al-Ḥalabī, 1967), 4:104.
7. Takrif Ibn al-Hājib: Al-Istidlāl digunapakai secara umum kepada makna menyebut dalil dan secara khusus kepada suatu jenis daripada dalil-dalil dan inilah makna yang dikehendaki. Dikatakan bahawa: *Istidlāl* ialah dalil yang bukan nas, bukan ijmak dan bukan kias. Lihar Ibn al-Hājib, 'Uthmān bin 'Umar bin Abū Bakr bin Yūnus Ibn al-Hājib, *Al-Mukhtaṣar al-Kabīr*, (t.tp., t.p., t.t.), 202.
8. Takrif Tāj al-Dīn al-Subkī: Al-Istidlāl ialah dalil yang bukan nas (quran dan hadis) dan bukan ijmak serta bukan kias. Al-Bannanī, *Ḥashīyah al-Bannanī 'alā Sharḥ al-Jalāl Shams al-Dīn Muḥammad al-Maḥallī 'alā Matn Jam' al-Jawāmi' li al-Imām Tāj al-Dīn 'Abd al-Wahhāb al-Subkī*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1982), 2:343.
9. Takrif Sheikh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī: Al-Istidlāl ialah dalil yang bukan nas (quran dan hadis), bukan ijmak dan bukan kias *shar'ī*. Al-Anṣārī, Abū Yahyā Zakariyā, Sheikh al-Islām, *Ghayah al-Wuṣūl Sharḥ Lubb al-Uṣūl*, (Mesir: Dār al-Kutub al-Arabiyyah al-Kubra, 1330h), 144.
10. Takrif al-Shawkānī: Al-Istidlāl ialah dalil yang bukan nas (al-Quran dan hadis) dan bukan ijmak juga bukan kias. Al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī, *Irshād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min 'ilm al-Uṣūl Taḥqīq Abū Ḥafṣ Sāmi bin al-'Arabī al-Asharī*, cet. ke-1 (Riyād: Dār al-Fadīlah, 2000), 2:970.

1. Sebahagian ulama mentakrifkannya dengan definisi yang umum menyamai makna al-Istidlāl dari sudut bahasa iaitu menuntut dalil atau menuntut petunjuk kepada dalil atau penelitian terhadap dalil. Mereka ialah al-Jaṣṣāṣ, al-Bāqilānī, Ibn Hazm, al-Shīrāzī, Imām al-Ḥaramayn dan lain-lain.
2. Sebahagian mereka mentakrifkannya dengan salah satu daripada jenis-jenis al-Istidlāl iaitu kias logik (القياس المنطقي) yang bermaksud susunan perkara tertentu yang mana penerimaannya membawa kepada penerimaan perkara yang dituntut. Mereka ialah Abu al-Ḥusayn, al-Bājī dan al-Baghdādī.
3. Sebahagian mereka mentakrifkannya dengan dua takrif ‘urfī iaitu am dan khas. Takrif am ialah menyebut dalil secara mutlak sama ada dalil al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan kias yang disepakati ataupun dalil-dalil yang tidak disepakati. Takrif khas pula ialah dalil yang bukan nas al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan kias. Mereka ialah Imām al-Āmidī, Ibn al-Ḥājib, al-Hindī, al-Isnāwī, al-Shanqītī dan Ibn Juzā.
4. Terdapat ulama yang hanya mentakrifkannya dengan takrif khas sahaja walaupun berbeza dari sudut ibarat yang mereka gunakan.
5. Pentakrifan ‘urfī secara am juga dilihat berbeza yang mana sebahagiannya menggunakan perkataan طلب الدليل dan sebahagiannya pula menggunakan طلب الدلالة.

Tidak kurang yang mentakrifkannya dengan lebih mudah iaitu إقامة الدليل atau ذكر الدليل.

6. Imām al-Ḥaramayn dalam takrifnya di atas menjelaskan bahawa al-Istidlāl adalah merujuk kepada pembinaan hukum syarak dengan makna yang menyeluruh dan munasabah yang diistinbat daripada kesemua asas *juz’ī* yang ditegakkan.
7. Takrif Imām al-Āmidī, al-Subkī, al-Shawkānī dan ulama yang sependapat dengan mereka pula melihat dari sudut menafikan dalil yang lain tanpa mendatangkan yang sebaliknya.
8. Takrif al-Qarāfī pula ialah menegakkan dalil yang menyampaikan kepada hukum syarak dari sudut kaedah akal bukan dari sudut dalil yang ditegakkan oleh nas samada al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan kias.

Penelitian terhadap takrif-takrif di atas mendapati, takrif yang secocok dengan maksud kajian ini ialah takrif ‘urfī yang am iaitu menyebut dalil atau menuntut petunjuk kepada dalil atau menegakkan dalil. Dengan perkataan yang lebih jelas, al-Istidlāl dalam kajian ini bermaksud membina dalil kepada masalah yang dituntut dengan dalil yang disepakati oleh umat Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan kias serta dalil yang tidak disepakati iaitu al-Istishāb, al-Istihāsan, Maṣāliḥ al-Mursalah, Sad al-Zarāi‘, Shar‘ Man Qablanā, ‘Urf dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menfokuskan al-Istidlāl berasaskan Āyāt al-Aḥkām iaitu menegakkan dalil kepada masalah yang dituntut hukumnya dengan dalil Āyāt al-Aḥkām yang terdapat dalam al-Quran.

11. Takrif Imām Ibn al-Sam‘ānī: Al-Istidlāl ialah menuntut dalil. Al-Sam‘ānī, Abū al-Muẓaffar, *Qawāṭi‘ al-Adillah fī al-Uṣūl Taḥqīq Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā‘īl*, (cet. ke-1, Beirūt: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1997), 1; 33. Dia menambah bahawa *al-istidlāl* adalah menuntut hukum dengan berdalilkan makna-makna nas. Ada pendapat yang berkata bahawa *al-istidlāl* ialah mengeluarkan kebenaran dan membezakannya daripada kebatilan sebagaimana disebut kedua-duanya oleh Imām al-Mawardī. *Ibid.*, 2:259.

Kaifiat Pendalilan Berasaskan Āyāt Al-Aḥ kām Dalam Penghujahan Hukum Syarak

Dari sudut Āyāt al-Aḥ kām menjadi dalil kepada hukum syarak, ulama telah menggariskan kaifiat dalam memahami nas dan mengistinbat hukum daripadanya. Ini kerana, hukum syarak ditunjuk oleh lafaz nas yang berada dalam berbagai keadaan dalam al-Quran. Kaifiat tersebut adalah perlu dalam mentafsirkan nas syarak supaya menghasilkan natijah yang sahih dan tepat.

Dua perkara pokok yang perlu diambil perhatian dalam kaifiat berdalil dengan Āyāt al-Aḥ kām. Pertama ialah alat memahami nas (أدوات فهم النص) iaitu dengan meraikan petunjuk makna sesuatu nas dari sudut berikut:

1. Umūm dan Khuṣ ūṣ⁶
2. Ijmāl dan Bayān⁷. Ulama al-Ḥanafīyyah didapati membahagikan al-Mubayyin kepada Wāḍ iḥ al-Dilālāh dan Ghayr Wāḍ iḥ al-Dilālāh. Di bawah Wāḍ iḥ al-Dilālāh mereka membahagikan kepada al-Nas⁸, al-Z āhir⁹, al-Mufasssir¹⁰ dan al-Muḥ kam¹¹ manakala di bawah Ghayr Wāḍ iḥ al-Dilālāh mereka membahagikan kepada Khafīy¹², Mushkil¹³, Mujmal¹⁴ dan Mutashabih¹⁵. Ulama al-Mutakallimūn mengira kesemuanya termasuk dalam Mujmal dan Mubayyin.
3. It lāq dan Taqyīd¹⁶
4. Ḥaqīqah dan Majāz¹⁷
5. Nāsikh dan Mansūkh¹⁸

⁶ 'Umūm ialah lafaz yang merangkumi semua perkara yang sesuai baginya dengan satu lafaz. Khuṣ ūṣ ialah mengeluarkan sebahagian perkara yang dicapai oleh sesuatu lafaz. 'Abd al-Fattāḥ Aḥ mad Quṭ b al-Rakhmīsī, *al-Taḥ qīq al-Ma'mūl li Minhāj al-Uṣ ūl 'alā al-Minhāj li al-Imām al-Bayḍ āwī*, (cet. ke-2, Kaherah: Muassasah Qurṭ ubah, 2001), 296 dan 304.

⁷ Ijmāl ialah perkara yang tidak jelas petunjuknya. Bayān ialah pendedah kepada maksud yang dikehendaki daripada suatu ibarat. *Ibid.*, 337.

⁸ Al-Nas ialah lafaz yang zahir dituturkan kerana bertujuan untuk menjelaskan hukum syarak. Al-Kafrawī, As'ad 'Abd Ghānī al-Sayyid, *al-Istidlāl 'ind al-Uṣ ūliyyīn*, (Kaherah: Dār al-Salām, 2002), 454.

⁹ Al-Z āhir ialah perkara yang maknanya jelas dan tidak perlu kepada tafsir untuk menjelaskan maksudnya. *Ibid.*

¹⁰ Al-Mufasssir ialah perkara yang zahir petunjuknya ke atas makna dan tidak ditanggung takwīl atau takhsīs. *Ibid.*

¹¹ Al-Muḥ kam ialah perkara yang zahir petunjuknya ke atas makna tanpa boleh ditanggung takwīl, takhsīs, nasakh sama ada pada hayat Rasulullah atau selepas kewafatannya. *Ibid.*

¹² Al-Khafīy ialah perkara yang tersembunyi maksudnya dengan suatu sebab tanpa ṣ īghah dan tidak dapat dicapai kecuali dengan mendapatkan dalil yang lain untuk mengetahui maksudnya. *Ibid.*

¹³ Al-Mushkil ialah perkara yang tersembunyi maksudnya kerana berkongsi banyak makna yang boleh digunakan padanya. *Ibid.*

¹⁴ Al-Mujmal ialah perkara yang tersembunyi maksud daripadanya kerana berkongsi banyak makna dan tidak diketahui maksudnya kecuali dengan penjelasan daripada syarak. *Ibid.*, 455.

¹⁵ Al-Mutashābih ialah perkara yang tersembunyi maksud daripadanya dengan sekira-kira tidak diharapkan mengetahuinya di dunia ini bagi sesiapa pun atau tidak diharapkan mengetahuinya kecuali orang-orang yang rasikh dalam ilmu. *Ibid.*, 455.

¹⁶ It lāq ialah perkara yang menunjuk ke atas suatu individu atau individu-individu yang masyhur dengan tanpa qaid yang berasingan seperti lelaki dan hamba manakala Taqyīd ialah perkara yang menunjuk ke atas suatu individu atau individu-individu yang masyhur dengan qaid yang berasingan seperti lelaki yang mukmin dan hamba yang beriman. *Ibid.*, 452.

¹⁷ Ḥakīkah ialah setiap lafaz yang digunakan pada perkara yang dihantarkan baginya tanpa pemindahan dan Majāz pula ialah perkara yang dipindahkan daripada perkara yang dihantarkan baginya. Yāsīn al-Fādānī, *Bughyah al-Mushtāq fi Sharḥ al-Luma' li Abī Ish āq*, ed. Aḥ mad Darwīsh, (cet. ke-1, Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2006), 53.

¹⁸ Nāsikh ialah perkara yang menasakhkan dengannya manakala Mansūkh ialah perkara yang dinasakhkan oleh perkara lain. 'Abd al-Fattāḥ Aḥ mad Quṭ b al-Rakhmīsī, *al-Taḥ qīq al-Ma'mūl li Minhāj al-Uṣ ūl 'alā al-Minhāj li al-Imām al-Bayḍ āwī*, (cet. ke-2, Kaherah: Muassasah Qurṭ ubah, 2001), 360.

6. Awāmir dan Nawāhi¹⁹ dengan ṣ ṭghah-ṣ ṭghahnya yang tertentu.

Perkara kedua pula ialah menguasai petunjuk lafaz nas sama ada dari sudut perletakan lafaz (دلالة الألفاظ الوضعية) atau petunjuk lafaz-lafaz (دلالة الألفاظ) terhadap hukum. Dari sudut perletakan lafaz nas, ia tidak lari daripada sama ada Muṭ ābaqah²⁰, Taḍ ammun²¹ atau Iltizām²². Dari sudut petunjuk lafaz-lafaz (دلالة الألفاظ) kepada hukum didapati berlaku khilaf antara al-Ḥanafīyyah dengan al-Mutakallimūn dalam meneliti petunjuk lafaz tersebut. Manhaj al-Ḥ anafīyyah²³ membahagikan petunjuk lafaz tersebut kepada empat bahagian dan menganggap bahawa ambilan hukum yang menyalahi empat bahagian tersebut adalah salah. Empat bahagian tersebut ialah Ibārah al-Naṣ ²⁴, Ishārah al-Naṣ ²⁵, Dilālah al-Naṣ ²⁶ dan Dilālah al-Iqtid ā' atau Iqtid ā' al-Naṣ ²⁷

Manakala al-Mutakallimūn pula membahagikan nas kepada dua bahagian yang asas iaitu Mant ṭ ūq²⁸ dan Mafhūm²⁹. Mant ṭ ūq dibahagikan pula kepada Mant ṭ ūq al-Ṣ arīḥ ³⁰ dan Mant ṭ ūq Ghayr al-Ṣ arīḥ ³¹. Mant ṭ ūq Ghayr al-Ṣ arīḥ pula dipecahkan kepada Dilālah al-

¹⁹ Awāmir jama' kepada amr iaitu lafaz yang menuntut oleh pihak yang menyuruh dengannya membuat sesuatu dari pihak orang yang lebih rendah daripadanya dan Nawāhi pula ialah jama' kepada naha iaitu lafaz yang menuntut dengannya meninggalkan suatu perbuatan dari pihak yang lebih rendah daripadanya. Yāsīn al-Fadānī, "Bughyah al-Mushtāq," 67 dan 103.

²⁰ Petunjuk lafaz di atas sempurna maksud yang dihantarkan baginya seperti petunjuk lafaz insan di atas haiwan yang boleh bercakap. Al-Kafrawī, As'ad 'Abd Ghānī al-Sayyid, *al-Istidlāl 'ind al-Uṣ ṭliyyīn*, (Kaherah: Dār al-Salām, 2002), 456.

²¹ Petunjuk lafaz ke atas satu juzuk daripada maksud yang dihantar baginya dalam kandungan makna seperti petunjuk lafaz solat ke atas rukuk sahaja atau sujud sahaja. *Ibid.*, 456-457.

²² Petunjuk lafaz ke atas makna yang lazim atau ke atas makna yang luar seperti petunjuk lafaz insan ke atas keadaannya boleh ketawa atau boleh menulis. *Ibid.*, 457.

²³ Manhaj tersebut diambil daripada karya-karya Uṣ ṭl al-Fiqh dalam mazhab al-Ḥanafī seperti karya yang dihasilkan oleh Imam al-Dabbūsī, al-Bazdawī, al-Sarakhsī dan ulama Ḥanafī yang datang selepas mereka.

²⁴ Iaitu petunjuk lafaz ke atas hukum yang dihantarkan kalam baginya secara asal atau mengikut yang asal dengan tanpa perlu pengamatan. Ia adalah petunjuk yang jelas tanpa perlu nazar atau kajian. Ia juga petunjuk ke atas perkara yang dituju percakapan kerananya sama ada secara asal atau mengikut yang asal. Muḥ ammad Adīb Sālīḥ, *Tafsīr al-Nuṣ ṭs Fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Beirut: al-maktab al-Islāmī, 1993), 1:469.

²⁵ Iaitu petunjuk lafaz kepada hukum yang tidak dimaksudkan dan tidak dikhitabkan kalam pada nas akan tetapi lazim bagi hukum yang dikhitabkan untuk memberi faedah kepada kalam tersebut. Ia juga tidak zahir daripada mana-mana wajah. *Ibid.*, 1:68.

²⁶ Petunjuk lafaz di atas sabitnya hukum yang dituturkan dengannya bagi benda yang tidak dituturkan kerana berkongsi pada makna yang didapati oleh orang yang arif melalui bahasa bahawa ia adalah tempat keluar hukum dengan tanpa perlu kepada proses nazar dan ijtihad. *Ibid.* 1:516.

²⁷ Petunjuk kalam ke atas suatu makna yang terhenti di atas taqdirnya benarlah kalam atau sahnya kalam itu dari sudut syarak atau akal. *Ibid.*, 548.

²⁸ Petunjuk lafaz ke atas hukum yang disebutkan dalam kalam dan dituturkan dengannya sama ada secara muṭ ābaqah, tadammūn atau iltizām. *Ibid.*, 591.

²⁹ Petunjuk lafaz ke atas hukum yang tidak disebut dalam kalam dan tidak dituturkan dengannya. *Ibid.*, 592.

³⁰ Iaitu petunjuk lafaz ke atas hukum dengan cara muṭ ābaqah atau tadammūn kerana lafaz dihantar baginya. *Ibid.*, 594.

³¹ Iaitu petunjuk lafaz ke atas hukum dengan cara iltizām kerana lafaz itu menjadi kelaziman bagi makna tersebut. *Ibid.*, 594.

Iqtidā'³², Dilālah al-Imā'³³ dan Dilālah al-Ishārah³⁴. Untuk Mafhūm pula mereka membahagikan kepada Mafhūm al-Muwāfaqah³⁵ dan Mafhūm al-Mukhālafah atau Dilālah al-Khiṭāb³⁶. Mafhūm al-Muwāfaqah dibahagikan pula kepada Faḥwā al-Khiṭāb³⁷ dan Lahṇ al-Khiṭāb³⁸.

Kesalahan dalam al-Istidlāl

Kesilapan dalam pendalilan boleh berlaku apabila individu yang mengemukakan pendalilan tersebut tidak berkeahlian dalam kaifiat al-Istidlāl berasaskan nas syarak. Penelitian individu yang tidak berkeahlian kepada *'illah* yang terdapat dalam nas yang hendak dijadikan dalil atau kepada masalah yang berlaku dikhuatiri tidak tepat sehingga menerbitkan hukum yang salah dan mengeluarkan pandangan dalam agama tanpa ilmu. Secara *qat'ī* hukumnya adalah haram.³⁹

Sekurang-kurang mendapat dalil untuk mengeluarkan hukum syarak ialah *ẓān* seorang mujtahid. Oleh yang demikian, ulama melarang keras mereka yang tidak berkeahlian atau tidak memiliki syarat-syarat ijtihad supaya tidak ikut campur dalam urusan hukum dan tidak berurusan dengan nas syarak dari awal lagi.

GARIS PANDUAN PENDALILAN BERASASKAN ĀYĀT AL-AḤKĀM DI DALAM PENGHUJAHAN HUKUM SEMASA

Dalam bermuamalah dengan masalah semasa, seorang mujtahid, mufti atau penyelidik perlu berpegang teguh dengan disiplin mengembalikan masalah tersebut kepada sumber-sumber dalam syariat Islam terutama Kitāb Allah SWT, Sunnah Rasul SAW, ijmak ulama dan seterusnya. Setiap satunya mempunyai *dāwābiṭ* tersendiri yang perlu diraikan supaya menghasilkan natijah hukum yang benar.

Definisi Masalah Semasa

Terdapat beberapa ungkapan yang biasa digunakan bagi menggambarkan perbincangan masalah semasa dalam Fiqh al-Islami iaitu al-Qaḍā' āyā al-Fiqhiyyah al-Mu'āṣirah, al-Fatāwa

³² Iaitu petunjuk lafaz ke atas perkara lazim yang dimaksudkan bagi orang yang bercakap di mana terhenti ke atasnya benar kalam tersebut atau sahnya dari sudut akal atau syarak. *Ibid.*, 596.

³³ Iaitu petunjuk lafaz ke atas perkara lazim yang dimaksudkan bagi orang yang bercakap yang tidak terhenti ke atasnya benar kalam tersebut dan sahnya dari sudut akal atau syarak ketika hukum yang disertakan sekiranya tidak untuk jadi sebab nescaya penyertaan itu dengannya tidak diterima dan tidak dikira kerana tidak ada munasabah di antaranya dan di antara perkara yang menyertai dengannya. *Ibid.*, 601.

³⁴ Iaitu petunjuk lafaz ke atas perkara lazim yang tidak dimaksudkan bagi orang yang bercakap lalu tidak terhenti ke atasnya benarnya cakapan atau sahnya. *Ibid.*, 605.

³⁵ Iaitu petunjuk lafaz ke atas sabitnya hukum yang dituturkan bagi suatu yang didiamkan dan sepatatnya baginya sama ada menafi atau mengsabiti kerana berkongsi keduanya pada makan yang didapati dengan semata-mata mengetahui bahasa tanpa perlu kepada kajian dan ijtihad. *Ibid.*, 608.

³⁶ Iaitu petunjuk lafaz ke atas sabitnya hukum bagi yang didiamkan daripadanya yang menyalahi bagi perkara yang menunjuk ke atasnya oleh perkara yang dituturkan kerana ternafinya satu kaitan daripada apa-apa kaitan yang diambil kira dalam hukum. *Ibid.*, h. 609.

³⁷ Iaitu perkara yang menunjuk ke atasnya oleh suatu lafaz dari sudut memberi peringatan. Yāsīn al-Fādānī, "Bughyah al-Mushtāq," 155. Takrif ini memberi maksud apabila perkara yang didiamkan daripadanya lebih kuat dari sudut hukum berbanding dengan perkara yang dituturkan dengannya.

³⁸ Iaitu perkara yang menunjuk ke atasnya oleh suatu lafaz daripada taqdir yang tidak sempurna kalam kecuali dengannya. *Ibid.*, 156. Maksud takrif tersebut ialah apabila perkara yang didiamkan daripadanya adalah sama dari sudut hukum dengan perkara yang dituturkan dengannya.

³⁹ Modifikasi daripada beberapa karya Uṣūl al-Fiqh.

al-Mu‘āṣ irah, al-Qaḍ āya al-Mustajiddah, al-Masā’il al-‘Aṣ riyyah, al-Mushkilāt al-Mu‘āṣ irah, al-Wāqi‘āt, al-Hawādith, Fiqh al-Nawāzil dan lain-lain. Kesemua istilah tersebut berlegar sekitar makna yang sama iaitu ilmu yang membahaskan masalah semasa yang dihadapi oleh seorang muslim dalam kehidupan sehariannya di mana ulama yang berkecualan bertindak melakukan ijtihad bagi mengeluarkan hukumnya berdasarkan kepada kaedah dalam syariat Islam. Namun, istilah al-Qaḍ āya al-Fiqhiyyah al-Mu‘āṣ irah adalah yang paling popular yang membawa maksud masalah fiqh semasa yang perlu kepada pengkajian, perletakan asas dan pengukuhan supaya dapat dikeluarkan hukumnya.

Manhaj Pengkajian Masalah Semasa

Ulama yang mengkaji dan menghalusi Qaḍ āya Mu‘āṣ irah didapati meraikan manhaj tertentu supaya hukum yang dikeluarkan adalah bertepatan dengan syariat Allah SWT. Manhaj tersebut adalah seperti berikut:

1. Melakukan kajian terhadap masalah dengan ikhlas dan mengharap keredhaan Allah SWT, bukan kerana seseorang atau kepentingan kumpulan atau mendambakan kemasyhuran.
2. Menzahirkan pengharapan kepada Allah SWT dalam pengkajian dengan membangkitkan pengharapan dalam hatinya apabila berlaku masalah dan bukan sekadar berpada dengan ilmu semata-mata kepada Allah SWT yang mengilhamkan kebenaran. Para ulama terdahulu tidak mengeluarkan sesuatu fatwa kecuali selepas berdoa kepada Allah SWT supaya Allah SWT menyelamatkannya daripada kesalahan seperti اللهم سلمني.
3. Mendapatkan gambaran (تصور) sesuatu masalah dengan gambaran yang jelas kerana menghukum sesuatu perkara itu adalah terbit daripada gambaran yang jelas. Gambaran tersebut boleh dicapai apabila seorang mujtahid atau pengkaji mengambil 3 langkah iaitu:
 - i. Mengumpulkan setiap perkara yang berkait dengan masalah yang berlaku seperti dalil dan petunjuk (قرينة) supaya dapat mengetahui hakikatnya, bahagian-bahagiannya dan apa jua yang berkaitan dengannya.
 - ii. Mendapatkan penjelasan daripada orang yang pakar dalam sesuatu bidang seperti bidang perubatan moden atau aktiviti ekonomi semasa.
 - iii. Menganalisis masalah yang berlaku sekiranya masalah tersebut mengandungi lebih daripada satu unsur seperti ‘Aqad al-Istawrid (import) yang mengandungi ‘Aqad al-Istiṣ na’, ‘Aqad al-Salam, al-Bay‘ bi al-Thaman al-‘Ājil dan lain-lain. Kesemua elemen yang disebutkan di atas perlu diambil kira supaya hukum yang dikeluarkan adalah tepat dengan masalah tersebut. Ini kerana mengabaikan elemen-elemen tersebut boleh membawa kepada kesilapan dalam fatwa. Daripada Ibn ‘Abbās R.A beliau berkata: Sesiapa yang mengeluarkan sesuatu fatwa sedangkan dia tidak mengetahui hakikat masalah tersebut adalah dosanya tertanggung di atasnya.
4. Memberikan sifat fiqh (التكييف الفقهي) kepada masalah. Istilah ini ditakrifkan oleh ulama kontemporari sebagai menentukan hakikat masalah yang berlaku untuk dipadankan dengan asas fiqh yang telah ditentukan oleh ilmu Fiqh Islami dengan sifat-sifat *fiqhiyyah* yang bertujuan untuk memberikan sifat-sifat tersebut kepada sesuatu masalah ketika wujudnya persamaan dan keserupaan di antara asal dan di antara hakikat masalah yang berlaku.

5. Mengembalikan masalah kepada sumber-sumber hukum sebagaimana berikut:
 - i. Hukum syarak yang disepakati iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan kias. Sekiranya terdapat hukum kepada masalah tersebut secara terang dalam nas, maka masalah itu dipadankan dengan nas tersebut. Akan tetapi sekiranya tidak terdapat hukum kepada masalah tersebut secara terang, boleh jadi terdapat petunjuk dalam secara al-Iltizām atau al-Tadāmūn.
 - ii. Hukum syarak yang tidak disepakati sekiranya tidak mendapatkannya dalam sumber yang disepakati.
 - iii. Ijtihad-ijtihad ulama seperti masalah bank susu dikembalikan kepada ijtihad Imām Ibn Qudāmah dalam bab susuan (الرضاع) dan masalah akad insuran yang pernah disebut oleh Imām Ibn ‘Ābidīn ketika membicarakan masalah al-Sawkarah (السوكرة).
 - iv. Ketetapan himpunan-himpunan fiqah atau persatuan-persatuan fiqah yang berkeelayakan seperti Majma al-Buhuth al-Islamiyyah di Mesir, al-Munazẓamah al-Islamiyyah li al-Ulum al-Tibbiyyah di Kuwait dan lain-lain.
 - v. Kajian-kajian ilmiah daripada tokoh-tokoh ulama kontemporari yang berautoriti seperti Yūsuf al-Qaradāwī, Wahbah al-Zuhaylī, Ra’fat ‘Uthmān dan lain-lain.

Sekiranya tidak terdapat hukum kepada masalah yang berlaku selepas mengikuti manhaj yang telah digariskan di atas, maka seorang pengkaji perlu melihat semula hakikat masalah tersebut dengan teliti seterusnya menghukumkan masalah tersebut dengan mengambil langkah-langkah berikut:

1. Hukum yang tidak bertentangan dengan nas-nas syarak.
2. Mengambil kira *Maqāṣ id al-Syar‘iyyah al-Islāmyyah* iaitu dengan memakai kaedah-kaedah fiqah seperti:
 - i. Menolak kerosakan perlu didahulukan berbanding menarik kepentingan ketika bertembung kedua-dua elemen tersebut (درء المفسد مقدم على جلب المصالح عند التعارض).
 - ii. Darurat yang tertentu membolehkan sesuatu yang dilarang (الضرورات تبيح المحظورات).
 - iii. Darurat perlu ditentukan dengan kadar yang tertentu (الضرورة تقدر بقدرها).
 - iv. Mengangkat kesusahan (رفع الحرج).
 - v. Darurat itu hendaklah dihilangkan (الضرر يزال) dan lain-lain.

Sekiranya pengkaji masih gagal mendapatkan hukum kepada masalah tersebut selepas melalui semua garis panduan yang disebutkan di atas maka, hendaklah dia berhenti (التوقف). Moga-moga Allah SWT menganugerahkan hukum kepada masalah tersebut melalui ijtihad atau kajian ulama yang lain.

Garis Panduan Pendalilan Berasaskan Āyāt al-Aḥ kām Dalam Penghujahan Masalah Semasa

Kaifiat pendalilan berasaskan Āyāt al-Aḥ kām dalam penghujahan masalah semasa perlu melalui tiga peringkat yang mesti diraikan secara teliti supaya perpindahan hukum yang terdapat dalam nas kepada masalah semasa menepati kehendak syarak. Garis panduan tersebut adalah seperti mana berikut:

1. Peringkat Berkaitan Dengan Kaifiat Pendalilan dan Istinbat

Seorang mujtahid atau mufti perlu meneliti masalah yang berlaku dan cuba memadankan dengan nas Āyāt al-Aḥ kām yang berkaitan dengan mengambil langkah berikut:

- i. Memastikan nas Āyāt al-Aḥ kām yang hendak digunakan (توثيق النص). Beliau perlu memastikan nas Āyāt al-Aḥ kām yang diambilnya adalah tepat untuk dipadankan dengan masalah yang hendak dihukumkan. Proses ini dinamakan النظر⁴⁰ dalam ilmu Uṣ ūl al-Fiqh dan mesti menepati syaratnya iaitu:
 - a. Individu yang melakukan proses ini mestilah seorang yang berkeelayakan dengan memiliki alat ijtihad yang sempurna.
 - b. Penelitiannya hendaklah kepada dalil iaitu dari sudut berpindahannya penelitian terhadap dalil itu kepada apa yang hendak dihukumkan atau lebih dikenali sebagai Wajh al-Dilālāh⁴¹. النظر terhadap sesuatu dalil mesti memenuhi dua syarat iaitu:
 - 1) Peneliti tersebut mesti mempunyai keahlian yang sempurna dari sudut alat ijtihad.
 - 2) Penelitian hendaklah kepada dalil yang sebenar bagi sesuatu masalah dan bukan kepada kesamaran (شبهة) iaitu sesuatu yang dianggap dalil padahal ia bukan dalil.
 - c. Membawa dalil tersebut dengan lengkap dan menyusunnya mengikut hak-haknya seperti mendahului *khaṣ* daripada *‘ām*, *muṭ laq* daripada *muqayyad* dan sebagainya.
- ii. Alat-alat memahami nas Āyāt al-Aḥ kām (أدوات فهم النص). Setelah memastikan nas Āyāt al-Aḥ kām yang terlibat, nas tersebut mesti difahami melalui alat (أدوات) yang digunakan untuk memahami kehendak syarak daripada nas tersebut dalam bentuk yang sahih iaitu:
 1. Umūm dan Khuṣ ūṣ

⁴⁰ Perkataan النظر bermaksud pemikiran kepada keadaan perkara yang diteliti. Ia adalah jalan untuk mengetahui hukum-hakam apabila dilaksanakan dengan syarat-syaratnya. Yāsīn al-Fādānī, “Bughyah al-Mushtāq,” 44.

⁴¹ Wajh al-Dilālāh atau disebut sebagai Wajh al-Istidlāl ialah susunan dua patah perkataan yang disandarkan iaitu *wajh* dan *al-dilālāh*. Wajh dari sudut bahasa adalah *maṣ dar* daripada perkataan *وجه* digunapakai kepada beberapa makna di antaranya bahagian hadapan kepala yang mempunyai dua mata, mulut dan hidung, makna jenis atau bahagian, makna ketua kepada suatu kaum dan lain-lain manakala *al-dilālāh* pula ialah menunjuk kepada sesuatu. Gabungan antara kedua perkataan ini membentuk suatu ibarat yang penting dalam setiap pendalilan sama ada daripada dalil-dalil yang disepakati atau tidak disepakati iaitu penelitian seorang mujtahid atau mufti terhadap dalil dari sudut yang mana berpindah daripadanya pemikiran kepada perkara yang dituntut.

2. Ijmāl dan Bayān. Ulama al-Ḥanafīyyah didapati membahagikan al-Mubayyin kepada Wāḍ ih al-Dilālah dan Ghayr Wāḍ ih al-Dilālah. Di bawah Wāḍ ih al-Dilālah mereka membahagikan kepada al-Nas , al-Zāhir , al-Mufassir dan al-Muhkam manakala di bawah Ghayr Wāḍ ih al-Dilālah mereka membahagikan kepada Khafiy, Mushkil, Mujmal dan Mutashābih. Ulama al-Mutakallimūn mengira kesemuanya termasuk dalam Mujmal dan Mubayyin.
3. It lāq dan Taqyīd
4. Ḥakīkah dan Majāz
5. Nāsikh dan Mansūkh
6. Awāmīr dan Nawāhi

iii. Petunjuk-petunjuk lafaz Āyāt al-Aḥ kām (دلالة الألفاظ). Nas-nas Āyāt al-Aḥ kām adalah jumlah berbahasa Arab yang mempunyai banyak makna yang boleh ditanggung (احتمال). Seorang mujtahid atau mufti mesti mengetahui hakikat makna yang boleh diambil *istifādah* daripada nas tersebut. Dalam hal ini, beliau perlu:

1. Menguasai petunjuk-petunjuk perletakan lafaz (دلالة الألفاظ الوضعية) sama ada Muṭ ābaqah, Taḍ ammun atau Itizām.
2. Mengetahui petunjuk-petunjuk lafaz (دلالة الألفاظ) ke atas hukum syarak menurut manhaj al-Ḥanafīyyah atau al-Mutakallimūn. Manhaj al-Ḥanafīyyah membahagikan petunjuk lafaz kepada empat bahagian iaitu:
 - a. ‘Ibārah al-Naṣ - Iaitu lafaz yang menunjuk ke atas hukum yang dimaksudkan berpandukan *siyāq* secara asal atau mengikut asal. Hukum dalam Ibārah al-Naṣ adalah hukum yang *qaṭ ‘ī* selagi tidak ada nas yang memalingkan daripadanya.
 - b. Ishārah al-Naṣ - Iaitu lafaz yang menunjuk ke atas suatu hukum yang tidak dimaksudkan daripada asal dan bukan juga mengikut asal akan tetapi lazim bagi makna secara logik atau secara adat. Hukum dalam Ishārah al-Naṣ juga adalah *qaṭ ‘ī* selagi tidak ada nas yang memalingkannya. Dalālah al-Ishārah memerlukan kepada kekuatan akal, kecerdikan dan daya faham yang halus daripada seorang mujtahid.
 - c. Dalālah al-Naṣ - Iaitu kalam yang menunjuk kepada tetapan hukum atau ada hukum yang dinaskan kepada perkara yang tidak dinaskan kerana ada persamaan dari sudut ‘illah yang boleh difahami oleh seseorang yang menguasai bahasa Arab tanpa perlu kepada penelitian yang mendalam atau ijtihad.
 - d. Dalālah al-Iqtīd ā’ - Ia ditakrifkan sebagai kalam yang menunjuk kepada suatu yang lazim yang didahulukan di mana bergantung kepadanya benar suatu percakapan atau sahnya percakapan itu dari sudut syarak atau akal.

Al-Mutakallimūn pula membahagikannya kepada dua bahagian iaitu pertama: Dalālah al-Manṭ ūq iaitu petunjuk lafaz ke atas hukum sesuatu perkara yang disebut dalam nas. Manṭ ūq dibahagikan pula kepada Manṭ ūq al-Ṣ arīḥ dan Manṭ ūq Ghayr al-Ṣ arīḥ . Manṭ ūq Ghayr al-Ṣ arīḥ pula dipecahkan kepada Dilālah al-Iqtīd ā’ , Dilālah al-Imā’ dan Dilālah al-Ishārah . Kedua ialah Dalālah al-Mafhūm iaitu petunjuk lafaz ke atas hukum sesuatu perkara yang tidak disebut dalam nas. Dalālah al-Mafhūm terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Mafhūm al-Muwāfaqah - Iaitu lafaz yang menunjuk ke atas sepakatnya hukum yang tidak disebut dalam nas dengan perkara yang disebut. Mafhūm al-Muwāfaqah dibahagikan kepada Faḥ wā al-Khiṭ āb dan Laḥ n al-Khiṭ āb.

- ii. Mafhūm al-Mukhālafah atau Dilālah al-Khiṭāb - Iaitu suatu kalam yang menunjuk ke atas penafian hukum yang disebutkan dalam nas daripada perkara yang tidak disebutkan kerana ternafinya apa-apa *qayd* yang diambil kira dari sudut hukum.
3. Memahami nas dengan secara tunggal (مفرد) dan tersusun (مركب)⁴² dan bahagian-bahagiannya kerana maksud Allah SWT didapati berubah mengikut keadaan suatu lafaz nas ketika disebut secara tunggal dan ketika disebut secara tersusun.
- iv. Berpegang Kepada Ijmak
Seorang mujtahid perlu meraikan ijmak ulama dalam sesuatu masalah yang hendak dihukumkan bahkan perlu mendahuluinya berbanding nas-nas yang lain. Ini kerana ijmak itu adalah bersifat *qat'ī* dan maksum berbanding dalil yang lain serta selamat daripada *nasakh* dan *takwil*.
- v. Meraikan Makna Dan Kaedah Umum
Sekiranya seorang mujtahid atau mufti gagal menemui hukum sesuatu masalah semasa dalam al-Quran atau hadis-hadis Nabi SAW atau dalil-dalil yang lain, maka beliau perlu mengkaji makna dan kaedah umum yang diistinbat daripada maksud nas secara umum. Makna umum tersebut tidak keluar daripada maksud asal syarak iaitu meraikan maslahat umum dan mengangkat kesusahan serta kesulitan daripada hamba.

2. Peringkat *Taṣḥīḥ* Natijah Pendalilan

Selepas pengkaji atau mujtahid menemui natijah tertentu dalam al-Istidlāl maka, dia wajib menyemak semula natijah tersebut dan mengemukakan kepada empat perkara. Sekiranya selaras dengan empat perkara tersebut bermakna al-Istidlāl itu adalah sahih sebaliknya bertembung maka, ijtihadnya adalah salah dan menjadi kewajipan untuk mengulangi putaran proses al-Istidlāl sekali lagi sehingga menepati kebenaran.⁴³ Empat perkara yang dimaksudkan di atas ialah:

- i. Ijmak (إجماع)
- ii. Nas syarak yang lain serta kehendaknya (النصوص الشرعية الأخرى ومقتضاها)
- iii. Tujuan pensyariatan dan kaedah umum (المقاصد الشرعية والقواعد العامة)
- iv. Kias yang nyata (القياس الجلي)

Sekiranya berlaku pertembungan dengan nas yang *qat'ī* maka, ijtihad tersebut perlu ditolak dan hendaklah dimulakan semula daripada awal. Sekiranya bertembung dengan nas yang zanni seperti Khabar Ahad, Al-Maqāṣid al-Shar'īyyah dan al-Qawā'id al-'Āmmah dan al-Qiyās al-Jalīy maka, sandaran kepada perkara yang dihukumkan tersebut perlu diteliti semula. Sekiranya sandaran tersebut lebih rajih berbanding tiga nas zanni yang tersebut maka,

⁴² Murakkab pula ialah perkara yang menunjuk oleh juzuknya ke atas juzuk maknanya seperti lafaz Zaid berdiri. Kedua-dua juzuk lafaz tersebut menunjuk ke atas makna yang boleh diambil faham daripadanya. Mufrad ialah perkara yang tidak menunjuk oleh juzuknya ke atas juzuk maknanya seperti lafaz Zaid. Huruf ز pada Zaid tidak menunjuk apa-apa makna. Prof. Dr. Muḥammad Abū al-Nūr Zahrī, *Uṣūl al-Fiqh*, (Kaherah: Dār al-Baṣā'ir, 2005), 2:11.

⁴³ Al-Qarāfi, *al-Iḥkām fī Tamyīz al-Fatāwā 'an al-Aḥkām, Taḥqīq al-Sheikh 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah*, (Ḥalab: Maktabah al-Maṭba'ah al-Islāmiyyah, t.t.), 212.

ijtihadnya adalah sah dan boleh diterima tetapi sekiranya sebaliknya, ijtihadnya adalah batal dan perlu diulang semula daripada awal.

3. Peringkat Mengeluarkan Fatwa⁴⁴

Peringkat terakhir ini dilakukan setelah berpuas hati secara *ghalabah al-z'ann* dengan natijah yang didapati. Menyertakan dalil dalam penghujahan fatwa untuk tujuan kebolehpercayaan walaupun hukum mengemukakan dalil adalah harus atau Istih̄b̄b⁴⁵ sahaja. Ini kerana masyarakat Islam berhak mengetahui dalil, hujah dan keterangan sesuatu fatwa yang dikeluarkan kerana fatwa itu adalah perkara ugama dan merupakan hukum syarak yang hendak diamalkan dan pengamalannya akan dihisab oleh Allah SWT di akhirat. Maka, mereka berhak memastikan kebolehpercayaan terhadap fatwa tersebut dan ia boleh dilakukan dengan mengemukakan dalil.⁴⁶

Menyertakan ulasan atau huraian terhadap pendalilan yang dikemukakan untuk tujuan memberi ketenangan, menambahkan pengetahuan dan meyakinkan individu yang bertanyakan fatwa adalah suatu keperluan dalam menjelaskan hukum bagi masalah semasa kerana masalah semasa dikira masalah rumit untuk difahami oleh orang kebanyakan yang perlu ditangani dengan teliti. Dalam kebanyakan masalah muamalah, nas-nas Āyāt al-Aḥ kām yang digunakan adalah nas-nas yang sama. Oleh yang demikian, penghubung kepada makna nas dengan sesuatu masalah yang tertentu terletak kepada ulasan atau huraian nas tersebut. Ulasan atau huraian yang dimaksudkan ialah Wajh al-Dilālāh. Melakukan semakan terhadap fatwa yang ditulis untuk memastikan tidak berlaku kekurangan atau kecacatan pada mana-mana bahagian dalam teks tersebut.⁴⁷

Contoh Pendalilan Berasaskan Āyāt al-Aḥ kām Dalam Masalah Semasa

Kesemua masalah semasa yang berlaku sebagaimana kata Imam al-Shāfi'ī didapati ada asalnya dalam al-Quran khususnya Āyāt al-Aḥ kām yang menjadi asas memayungi semua masalah dalam syariat Islam. Penelitian mendapati⁴⁸, pendalilan berasaskan Āyāt al-Aḥ kām yang biasa dijadikan dalil dalam masalah semasa antara lain ialah firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Al- Baqarah 2: 195

Terjemahan: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”⁴⁹

⁴⁴ Fatwa adalah nas jawapan seorang mufti atau hukum syarak yang diberitahu oleh mufti dengan mengeluarkannya. ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣ ūl al-Da‘wah*, (cet. ke-9, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2002), 161.

⁴⁵ Al-Istih̄b̄b dari sudut bahasa ialah mengira suatu perkara itu baik. Di sisi ulama Uṣ ūl al-Fiqh ia sama erti dengan mandub iaitu perkara yang dipuji pelakunya dan tidak dicela orang yang meninggalkannya. Prof. Dr. Muḥ ammad Abū al-Nūr Zahīr, *Uṣ ūl al-Fiqh*, (Kaherah: Dār al-Baṣ ā’ir, 2005), 1:92.

⁴⁶ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣ ūl al-Da‘wah*, (cet. ke-9, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2002), 150.

⁴⁷ *Ibid.*, 74.

⁴⁸ Penelitian dibuat terhadap semua sighth fatwa kebangsaan dan beberapa sampel kertas kajian Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang mengandungi pendalilan berasaskan Āyāt al-Aḥ kām.

⁴⁹ Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, (cet. ke-6, Kuala Lumpur: Percetakan Adabi, 1983), 60.

Makna التَّهْلُكَةِ dalam kamus *Lisān al-‘Arab* karya Ibn Manẓūr ialah kebinasaan. Dikatakan bahawa makna التَّهْلُكَةِ ialah setiap perkara yang menjadikan akhir kesudahannya kepada kebinasaan.⁵⁰ Partikel Ba’ pada firman Allah SWT بِأَيْدِيكُمْ⁵¹ adalah tambahan menjadikan makna ayat; jangan kamu campakkan diri kamu. Perkataan أَيْدِيكُمْ pula membawa maksud diri (الأنفس) menjadikan makna ayat; janganlah kamu mencampakkan diri kamu sendiri kepada kebinasaan.⁵¹ Al-Imām al-Ṭabarī berpendapat bahawa firman Allah SWT وَلَا تَلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ adalah umum kepada semua benda yang telah disebutkan berikutan masuk di bawahnya kerana lafaz boleh ditanggung makna tersebut.

Ayat ini menjadi asas sandaran dalam perbincangan dan pertimbangan dalam penghujahan masalah semasa yang melibatkan perkara yang memudaratkan atau boleh membinasakan tubuh badan atau manfaat anggota sama ada secara langsung atau tidak langsung. Masalah semasa seumpama merokok, menghisap shisha, rokok elektronik dan vape, pengambilan ubat-ubatan yang mengandungi dos yang berlebihan, meninggalkan berubat seperti tidak melakukan pembedahan pemindahan organ tertentu, aktiviti yang berbahaya dan *extrem* seperti *boxing*, perlumbaan kenderaan bermotor dan seumpamanya adalah mendedahkan diri pelakunya kepada kebinasaan diri atau manfaat anggota dan menafikan tuntutan syarak yang mewajibkan menjaga nyawa dan tubuh badan daripada binasa.

Kaifiat pendalilan berasaskan ayat ini ialah pemahaman mujtahid atau penyelidik terhadap umumnya makna (عموم المعنى) ayat tersebut beserta petunjuk lafaz (دلالة الألفاظ) yang digunakan dalam ayat yang boleh ditanggung kepada semua benda yang masuk di bawah makna tersebut. Wajh al-Dilālāh yang dikemukakan pula ialah menahan diri daripada menginfakkan harta ke jalan Allah SWT boleh membawa kepada kebinasaan diri seorang muslim. Mendedahkan diri kepada kebinasaan itu adalah haram. Oleh hal yang demikian, semua perkara yang boleh mendedahkan seseorang muslim kepada kebinasaan juga adalah haram.

Ṣīghah fatwa JFK juga didapati menggunakan nas Āyāt al-Aḥkām ini untuk menjadi dalil dalam penghujahan hukum bersabit hukum imunisasi campak, tibi, batuk kokol, dipteria, tetanus dan polio, hukum merokok, hukum shisha, hukum khitan bagi pesakit *heamophilia* dan kanak-kanak cacat akal serta hukum Eutanasia atau *mercy killing*.

KESIMPULAN

Garis panduan pendalilan berasaskan Āyāt al-Aḥkām dalam menyelesaikan masalah semasa sebagaimana dikemukakan di atas adalah suatu kemestian yang perlu diraikan oleh mujtahid, mufti atau penyelidik supaya menatijahkan pendalilan yang bertepatan dengan disiplin Uṣūl al-fiqh dan menghasilkan hukum yang benar. Setiap peringkat pendalilan tersebut mesti dikuasai dengan baik agar setiap elemen yang perlu diraikan tidak terabai.

⁵⁰ Al-Ṣābi‘ī, Muḥammad ‘Alī, *Rawā‘i al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’ān*, (Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1391H) 2: 221.

⁵¹ Al-Sāyis, Muḥammad ‘Alī, *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*, (Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2000), 104.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Fattāh Aḥ mad Quṭ b al-Rakhmīsī, *al-Taḥ qīq al-Ma’mūl lī Minhāj al-Uṣ ūl ‘alā al-Minhāj li al-Imām al-Bayḍ āwī*, (cet. ke-2, Kaherah: Muassasah Qurṭ ubah, 2001).
- ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣ ūl al-Da’wah*, (cet. ke-9, Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2002).
- Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, (cet. ke-6, Kuala Lumpur: Percetakan Adabi, 1983).
- Al-Āmidī, ‘Ali bin Abī ‘Alī bin Muḥ ammad Sayf al-Dīn, *al-Iḥ kām fī Uṣ ūl al-Aḥ kām*, (Mesir: Muassasah al-Ḥalabī, 1967).
- Al-Anṣ arī, Abū Yaḥ yā Zakariyā Sheikh al-Islām, *Ghayah al-Wuṣ ūl Sharḥ Lubḥ al-Uṣ ūl*, (Mesir: Dār al-Kutub al-Arabiyyah al-Kubra, 1330h).
- Al-Bannanī, *Hashiah al-Bannanī ‘alā Sharḥ al-Jalāl Shams al-Dīn Muḥ ammad al-Maḥ allī ‘alā Matn Jam’ al-Jawāmi’ li al-Imām Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhāb al-Subkī*, (Beirūt: Dar al-Fikr, 1982).
- Al-Bāqilānī, Abū Bakr Muḥ ammad bin al-Ṭ ayyib, *al-Taqrīb wa al-Irshād (al-Ṣ aghīr) Taḥ qīq ‘Abd al-Ḥ amid bin ‘Ali Abū Zanīdh*, (cet. ke-2, Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1998).
- Al-Ḥaramayn, ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥ ammad al-Juwaynī, *al-Burhān fī Uṣ ūl al-Fiqh Taḥ qīq ‘Abd al-‘Aẓ īm al-Dīb*, (cet. ke-2, Mesir: Dār al-Wafā’ bi al-Manṣ ūrah, t.t.).
- Al-Jaṣ ṣ āṣ , Aḥ mad bin ‘Alī Abū Bakr al-Rāzī, *Al-Fuṣ ūl fī al-Uṣ ūl Taḥ qīq Ajil Jasim al-Nashamī*, (cet. ke-2, Kuwait: Wizārah al-Awqaf wa al-Shūn al-Islāmiyyah, 1994).
- Al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyīm, *I’lām al-Muwaqī’in ‘an Rabb al-Ālamīn*, (cet. ke-1, Saudi Arabia: Dār Ibn Hazm, t.t.), 6:200-2001.
- Al-Kafrawī, As‘ad ‘Abd Ghānī al-Sayyid, *al-Istidlāl ‘ind al-Uṣ ūliyyīn*, (Kaherah: Dār al-Salām, 2002).
- Al-Qarāfi, *al-Iḥ kām fī Tamyīz al-Fatāwā ‘an al-Aḥ kām, Taḥ qīq al-Sheikh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah*, (Ḥalab: Maktabah al-Maṭ ba‘ah al-Islāmiyyah, t.t.).
- Al-Ṣ ābūnī, Muḥ ammad ‘Alī, *Rawā’i’ al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥ kām min al-Qur’ān*, (Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1391H) 2: 221.
- Al-Sam‘ānī, Abū al-Muẓ affar, *Qawāṭ i’ al-Adillah fī al-Uṣ ūl Taḥ qīq Muḥ ammad Ḥasan Muḥ ammad Ḥasan Ismā’īl*, (cet. ke-1, Beirūt: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1997).
- Al-Sāyis, Muḥ ammad ‘Alī, *Tafsīr Āyāt al-Aḥ kām*, (Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2000), 104.

- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī, *Irshād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min ‘ilm al-Uṣūl Taḥqīq Abū Ḥafṣ Sāmi bin al-‘Arabī al-Asharī*, cet. ke-1 (Riyādh: Dār al-Fadīlah, 2000).
- Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fayrūzabadī, *al-Luma‘ fī Uṣūl al-Fiqh*, (cet. ke-3, Kaherah: Mustafa al-Halabi, 1975).
- Ibn al-Hājib, ‘Uthmān bin ‘Umar bin Abū Bakr bin Yūnus Ibn al-Hājib, *Al-Muhkkaṣ ar al-Kabīr*, (t.tp., t.p., t.t.).
- Ibn al-Şalāh, Taqiy al-Dīn Abū ‘Amr, ‘Uthmān ibn al-Muftī Şalāh al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Uthman bin Mūsā al-Kardī al-Shahrazūrī al-Muṣṣilī al-Shāfi‘ī, *Fatāwā wa Masā’il Ibn al-Şalāh fī al-Taḥqīq wa al-Ḥadīth wa al-Uṣūl wa al-Fiqh wa Ma‘ahūl ‘Ādāb al-Muftī wa al-Mustafī Taḥqīq ‘Abd al-Muṭṭī ‘Āmin Qal‘ājī*, (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1986).
- Ibn Hazm, ‘Alī bin Aḥmad bin Sa‘īd bin Ḥazm, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām Taḥqīq Aḥmad Shākir*, (Kaherah: Maṭba‘ah al-‘Āṣimah, t.t.).
- Jamā‘ah min Kibār al-Lughawīyyīn al-‘Arab, *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*. (Tūnis: Muassasah Lārous al-‘Ālamīyyah, 2003).
- Muḥammad Abū al-Nūr Zahīr, *Uṣūl al-Fiqh*, (Kaherah: Dār al-Baṣā’ir, 2005).
- Muḥammad Adīb Sālīḥ, *Taḥqīq al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Beirūt: al-maktab al-Islāmī, 1993).
- Yāsīn al-Fādānī, *Bughyah al-Mushtāq fī Sharḥ al-Luma‘ li Abī Ishāq*, ed. Aḥmad Darwīsh, (cet. ke-1, Beirūt: Dār Ibn Kathīr, 2006).